



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MALAYSIA MENANG *THE 8TH UNDERWRITERS LABORATORIES - ASEAN - U.S. SCIENCE PRIZE FOR WOMEN 2022*

- YBrs. Dr. Sok Ching Cheong (*Kategori Saintis Kanan - Pemenang*)
 - YBrs. Dr. Maxine Tan (*Kategori Saintis Pertengahan Kerjaya - Honorable Mention*)
-

PUTRAJAYA, 29 Oktober 2022 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengucapkan tahniah kepada kedua-dua penyelidik Malaysia, **YBrs. Dr. Sok Ching Cheong sebagai pemenang dalam Kategori Saintis Kanan** dan **YBrs. Dr. Maxine Tan sebagai penerima *honorable mention* dalam Kategori Saintis Pertengahan Kerjaya** bagi ***the 8th Underwriters Laboratories - ASEAN - U.S. Science Prize for Women 2022***.

The 8th Underwriters Laboratories - ASEAN - U.S. Science Prize for Women 2022 yang merupakan program di bawah kerjasama *ASEAN Committee on Science, Technology, and Innovation (COSTI)*, Kerajaan Amerika Syarikat melalui *U.S. Agency for International Development (USAID)* dan *Underwriters Laboratories (UL)*, sebuah pertubuhan bukan berasaskan keuntungan, menyasarkan peningkatan kesedaran tentang kemajuan wanita dalam penyelidikan kecerdasan buatan (AI) bagi menangani isu-isu mendesak dalam komuniti ASEAN.

Tema pada tahun ini ialah '**Kecerdasan Buatan dalam Kesihatan dan Keselamatan**' kerana kepentingannya untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik dan mampu milik kepada lebih 660 juta orang penduduk ASEAN. Selain itu, aplikasi AI yang mantap dapat mengukuhkan keselamatan persekitaran di tempat kerja dan sistem pemprosesan industri sekali gus membantu menangani usaha pemulihan pandemik COVID-19.

YBrs. Dr. Sok Ching Cheong yang merupakan Timbalan Ketua Pegawai Saintifik di *Cancer Research Malaysia*, menumpukan penyelidikan beliau untuk membangunkan alat tele-rundingan dipanggil MeMoSA (Saringan Mulut Mudah Alih); platform kesihatan digital yang dipacu AI bagi pengesanan awal kanser mulut.

Manakala YBrs. Dr. Maxine Tan, Pensyarah dan Penyelidik Kanan di Universiti Monash, Kampus Malaysia pula menumpukan penyelidikan beliau pada pengimejan perubatan dan AI dengan membangunkan model penilaian risiko jangka pendek kanser payudara pertama berdasarkan mamografi dan ciri-ciri klinikal/demografik.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba berkata, "Kejayaan ini diharap dapat mendorong kedua-dua penyelidik Malaysia tersebut untuk mencapai tahap yang lebih tinggi dalam penyelidikan saintifik mereka dan sebagai sumber inspirasi untuk menyemarakkan lagi minat dalam kalangan institusi penyelidikan negara dan para penyelidik negara khususnya saintis wanita untuk menyumbang lebih banyak penyelidikan yang berkualiti dalam bidang sains, teknologi dan inovasi."

Butiran lanjut tentang hadiah dan para pemenang boleh dilayari di <https://asean.org/underwriters-laboratories-asean-u-s-science-prize-for-women-2022-winners-announced> dan <https://scienceprize4women.asean.org>.

TAMAT

Disediakan oleh:


KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

29 OKTOBER 2022

POSTER PEMENANG-PEMENANG THE 8TH UNDERWRITERS LABORATORIES - ASEAN - U.S. SCIENCE PRIZE FOR WOMEN 2022




GAMBAR-GAMBAR PEMENANG MALAYSIA



PEMENANG KATEGORI SAINTIS KANAN



Sok Ching Cheong, FASc
Deputy Chief Scientific Officer
Cancer Research Malaysia



MeMoSA®
MOBILE MOUTH SCREENING
ANYWHERE

As a digital health platform, MeMoSA uses artificial intelligence to classify oral lesions and helps identify patients who may have oral cancer and those who are at risk.

Mentoring young scientists

"I believe we must support, invest in our young scientists and create an ecosystem that is conducive to pushing the frontiers of discovery without the fear of failure."



**PENERIMA HONORABLE MENTION DALAM KATEGORI SAINTIS
PERTENGAHAN KERJAYA.**

